



KERAJAAN MALAYSIA

DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN

- 1.0 PENDAHULUAN**
- 2.0 TUJUAN**
- 3.0 SUMBER PEMBENTUKAN DASAR**
- 4.0 VISI DAN PENYATAAN DASAR**
- 5.0 PRINSIP DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN**
- 6.0 TERAS DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN**
- 7.0 PELAN TINDAKAN KOLABORATIF**
- 8.0 PELAN TINDAKAN KHUSUS**

Lampiran 1

Lampiran 2

Lampiran 3

Lampiran 4

**LEMBAGA
ARKITEK
MALAYSIA**

Nota Penting:

*Dokumen ini masih dalam peringkat pengubalan dan penyediaan deraf dan berstatus **SULIT**. Sebarang percetakan, penyalinan, atau pengedaran dokumen ini dalam bentuk dan kaedah apa sekalipun adalah dilarang. Sebarang pertanyaan sila hubungi Presiden, Lembaga Arkitek Malaysia.*



KERAJAAN MALAYSIA

DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN

1.0 PENDAHULUAN

Identiti ketara dan jati diri sesebuah negara boleh digarap dan dihayati dalam pelbagai platform dan pemeragaan aset budaya seperti bahasa, sastera, muzik, makanan, pakaian, alam semulajadi, rupabentuk bandar, dan senibina. Sifat sayang kepada negara tercinta yang terbit dalam sanubari setiap rakyat perlu dizahirkan secara kolektif dalam bentuk perkongsian citarasa, rujukan visual, dan tatapan imejan beraspirasi dan terus dipupuk supaya kekal segar, mekar, dan semarak.

Senibina adalah bentuk pelafazan aset budaya yang paling intensif yang mudah ditatap dan sentiasa hadir di hadapan mata rakyat dan para pengunjung. Menerusi senibina aspek budaya, jiwa setempat dan semangat Kebangsaan boleh dipaparkan secara amat berkesan. Penghasilan produk senibina perlu dilaksanakan secara sedar dan berkoordinasi ke arah usaha memperkasakan identiti Kebangsaan untuk tanahair.

Dalam konteks gagasan demokrasi matlamat murni ke aras mengolah, merancang, membentuk, membangun, dan mengekalkan identiti Kebangsaan dalam senibina yang diterbitkan di negara ini perlulah digembling secara tersusun, sistematik, dan terarah. Kesan yang bakal terhasil dari usaha gigih ini adalah kemegahan dan kebanggaan rakyat terhadap aset budaya yang dimiliki lalu membangkitkan rasa sayang dan cinta kepada bangsa dan negara. Sejarah dan lekatan memori keatas setiap imejan perbandaran dan bangunan institusi Kerajaan bakal menyemat dalam hati dan minda rakyat akan jiwa dan semangat tempat yang mereka kunjungi.

Dasar Senibina Identiti Kebangsaan ini membuka luas satu inisiatif kenegaraan yang membolehkan Majlis Senibina Identiti Kebangsaan melaksanakan visi dan mandat menerusi urus tadbir yang dipertanggungjawabkan kepada agensi pelaksana Jabatan Arkitek Negara.

2.0 TUJUAN

Dasar Senibina Identiti Kebangsaan (DASIK) bertujuan untuk dijadikan rujukan dan panduan oleh para arkitek, perekabentuk, perancang, pembuat dasar dan pihak berkuasa dalam aspek penyediaan rekabentuk senibina (*architecture*), rekabentuk dalaman (*interior design*), rekabentuk bandar (*urban design*) dan alam bina (*built environment*) beridentiti kebangsaan yang bernilai tinggi, bersifat pembaharuan, dan kekal lestari. Dasar ini turut menjamin pemeliharaan senibina warisan dan alam

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

semulajadi tempatan sebagaimana yang digariskan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Tujuan dasar ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Menjadi kerangka dan matlamat umum dalam pelaksanaan rekabentuk oleh sektor Kerajaan dan swasta
- ii. Memelihara warisan senibina dan alam bina Kebangsaan
- iii. Menerapkan rekabentuk lestari
- iv. Memelihara alam semulajadi setempat
- v. Meningkatkan nilai binaan dan penyelenggaraan bangunan
- vi. Meningkatkan nilai rekabentuk perbandaran sedia ada dan di peringkat perancangan.

Dasar ini memanggil semua pemegang taruh supaya menghayati hasrat, membina kefahaman, memupuk kebersamaan, dan menjana aspirasi bahawa peri pentingnya negara ini memperagakan aset budaya dalam senibina yang terserlah dengan jati diri bangsa dan negara.

3.0 SUMBER PEMBENTUKAN DASAR

Empat dokumen penting negara mengimbangi tuntutan perlembagaan dan budaya menjadi sumber dalam pembentukan DASIK iaitu:

3.1 Perlembagaan Negara

Perlembagaan Negara membentuk konsep dan prinsip kesatuan negara yang didokong di bawah naungan keistimewaan Islam dan Melayu dimana kepelbagaian agama, kaum, dan bahasa sentiasa diraikan.

3.2 Rukun Negara

Senibina beridentiti Kebangsaan terzahir menerusi garapan nilai dan tradisi yang mendokong budaya setempat dan kewilayahan. Dasar senibina beridentiti kebangsaan perlu dilandaskan kepada nilai-nilai agama, kerukunan bangsa, adat dan budaya yang digagaskan dalam kelima-lima prinsip Rukun Negara:

- i. Kepercayaan kepada Tuhan
- ii. Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- iii. Keluhuran Perlembagaan
- iv. Kedaulatan Undang-Undang
- v. Kesopanan dan Kesusilaan

3.3 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

DASIK merangkum nilai dan prinsip yang termaktub dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) dan Kongress Kebudayaan Melayu II (2009) dimana dirumuskan di sini bahawa senibina beridentiti Kebangsaan perlu mendokong unsur-unsur seperti berikut:

- i. Islam (sebagai agama rasmi) adalah unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.
- ii. Berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini (pribumi di rantau Alam Melayu); dan
- iii. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima.

3.4 Dasar Perancangan Sedia Ada

Dasar-dasar sedia ada yang diluluskan oleh Kerajaan khususnya yang berkaitan dengan senibina dan perancangan seperti Dasar Perbandaran Negara dan Dasar Perumahan Negara akan sentiasa diharmonikan dengan aspirasi dan keperluan DASIK ini.

4.0 VISI DAN PENYATAAN DASAR

4.1 Visi Senibina Identiti Kebangsaan

Menjadikan bangunan-bangunan ikonik dan bermercu tanda serta rupabandar memaparkan semangat dan jati diri yang mengangkat keterbilangan budaya bangsa dan Negara.

4.2 Pernyataan Dasar Utama

Mewujudkan satu hala tuju yang menuntut kebersamaan dalam mengagaskan usaha dan menggembeling daya fikir ke arah memperkasakan komitmen dalam menzahirkan agenda pemeragaan identiti Kebangsaan dalam senibina dan alam bina.

5.0 PRINSIP DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN

Secara amnya DASIK mengandungi tiga prinsip utama iaitu Keterampilan Budaya Bangsa, Pembaharuan (*Innovation*) dan Berdaya Cipta (*Creative*) serta Identiti dan Kecemerlangan Senibina.

5.1 Keterampilan Budaya Bangsa

Jati diri sesuatu budaya bangsa secara fitrahnya diterampilkan (*manifestation*) secara ketara (*tangible*) dalam rekabentuk senibina dan rupabentuk perbandaran (*urbanscape*).

Kesesuaian (*harmony*) budaya dalam rekabentuk senibina dan alam bina menyumbang kepada kehebatan peradaban yang dipacu oleh kemakmuran ekonomi dan ketinggian tahap pemikiran. Sehingga kini belum ada satu dasar dan garis panduan yang menerajui peranan ini secara berwibawa (*authoritative*), tersusun (*organised*), berstrategi, dan terancang dalam mewujudkan satu hala tuju ke arah kecemerlangan rekabentuk terbilang yang bakal menjadi pusaka warisan negara. Puisi Melayu lama, "*kalau hendak tahu orang berbangsa, tengok kepada budi dan bahasanya*" menjunjung betapa pentingnya kesantunan dalam berpekerti. Kelekaan dalam melaksanakan kewajipan menegakkan hati budi (*psyche*) budaya bangsa akan mencelarukan kerukunan dan kesejahteraan identiti senibina:

*Tegak rumah kerana sendi
Runtuh sendi rumah binasa
Tegak bangsa kerana budi
Runtuh budi hilanglah bangsa.*

Ungkapan terkenal, “*we shape our buildings, and afterwards our buildings shape us*” patut dijadikan renungan dalam usaha membangunkan senibina beridentiti Kebangsaan. Alam terkembang sememangnya menjadi guru yang turut menyumbang kepada pembentukan keperibadian. Secara tidak langsung dan menerusi pemikiran bawah sedar (*subconsciousness mind*) generasi akan datang bakal terbentuk oleh prasarana fizikal yang melatari kehidupan mereka.

5.2 Pembaharuan dan Berdaya Cipta

Pembaharuan (*innovation*) dan berdaya cipta (*creative*) diperlukan bagi membolehkan pembauran (*assimilation*), penggabungan dan penyatuan atau pencernaan (*synthesis*) yang sihat di antara rekabentuk senibina serta unsur warisan dan senibina semasa. Ini diperlukan bagi mewujudkan suatu gandingan di antara rekabentuk tempatan, serantau dan sejagat yang mantap dan penuh makna.

Agenda pembaharuan dan berdaya cipta senibina yang mantap juga diperlukan bagi memacu kepimpinan rekabentuk di peringkat kebangsaan dalam menggarap senibina lestari yang bertaraf sejagat. Seterusnya, DASIK ini akan menjadi panduan dalam mendukung hasrat Kerajaan membangunkan alam bina lestari berketerampilan tempatan yang memperkasa budaya dan menjulang nilai kenegaraan (*nationhood*).

5.3 Identiti dan Kecemerlangan Senibina

Senibina beridentiti Kebangsaan akan mencerminkan nilai serta cara hidup masyarakat, iklim dan persekitaran setempat. Proses pembentukan identiti ini akan mendorong ke arah menghasilkan kecemerlangan senibina Malaysia melalui penampilan rekabentuk alam bina yang berciri setempat, asli serta dalam keadaanya yang bitara. Senibina sedemikian memiliki jati diri dan mempunyai keunggulannya yang tersendiri sebagai pengenalan kepada budaya bangsa yang bermaruah.

Mempertahankan dimensi kewilayahan (*regionalism*) dalam senibina adalah sejajar dengan fenomena dan fitrah alam yang dinyatakan dalam Al-Qur'an:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan. (Ar-Rum, 30:22)

Pendekatan *internationalisme* dan pengaruh luaran yang melunturkan identiti kewilayahan dan tidak mendokong pembinaan senibina berjiwa setempat mesti dihindari.

6.0 TERAS DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN

Berasaskan kepada prinsip-prinsip DASIK di atas, lima teras asas dibentuk dan dijadikan panduan kepada pembentukan ciri-ciri Senibina Identiti Kebangsaan seperti yang digariskan di bawah:


- i. Kesesuaian pengguna dan latar belakang budaya masyarakat Malaysia
- ii. Persekitaran dan keadaan tempatan
- iii. Rekabentuk mesra alam
- iv. Penggunaan unsur rekabentuk senibina kebangsaan

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

- v. Menyediakan perundangan, peraturan dan penguatkuasaan dasar senibina identiti Kebangsaan.

Rajah 1: Kerangka DASIK



SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

Setiap lima teras yang tersebut di atas disokong pelaksanaannya oleh beberapa strategi seperti yang diperjelaskan dalam Jadual berikut:

TERAS 1:	MASYARAKAT DAN BUDAYA Kesesuaian Pengguna dan Latar Belakang Budaya Masyarakat Malaysia
Strategi 1.1:	Rekabentuk Kewilayahan Memberikan keprihatinan yang mendalam ke atas ragam amalan kehidupan masyarakat pelbagai kaum dalam ruang lingkup kedaerahan dan kewilayahan.
Strategi 1.2:	Kearifan Watan (<i>indigenous</i>) Mengamalkan perkongsian pengalaman yang terpakai di sekitar alam dan gugusan rumpun Alam Melayu. Sekiranya diperlukan untuk menerapkan peradaban dan pengaruh budaya lain (atau antarabangsa) dalam senibina identiti kebangsaan, usaha ini perlu disesuaikan dengan keadaan dan konteks tempatan.
Strategi 1.3:	Rekabentuk Kontekstual Mengambil kira kesesuaian keadaan persekitaran masyarakat setempat, sosio-ekonomi, budaya, dan keagamaan dalam menzahirkan agenda pembangunan fizikal.
Strategi 1.4:	Rekabentuk Selamat dan Selesa Mengambil kira amalan kehidupan, budaya, dan hubungan kemasyarakatan semasa dalam pembentukan senibina beridentiti kebangsaan merangkumi tingkah laku dan keperluan keselamatan, kesihatan, keselesaan, dan keadaan bersendirian atau bersunyian (<i>privacy</i>).
Strategi 1.5:	Rekabentuk Universal (<i>universal design</i>) Menyediakan satu persekitaran senibina yang memenuhi keperluan pengguna dan masyarakat pelbagai ragam dan latar belakang menerusi rekabentuk universal khususnya untuk golongan kurang upaya.

TERAS 2:	PERSEKITARAN DAN KEADAAN TEMPATAN Teras Kebudayaan dan Ekosistem Watan
Strategi 2.1:	Budaya dan Sejarah Tempatan Menyediakan suatu rekabentuk dan ruang yang bertindakbalas (<i>responsive</i>) dan mencerminkan keperibadian budaya dan sejarah setempat (<i>local culture and history</i>).
Strategi 2.2:	Perbandaran Berjiwa Setempat dan Memenuhi Keperluan Masyarakat Menyediakan senibina dan perbandaran yang menekankan pelbagai perihal kemasyarakatan seperti kejiranan, hubungan dan pergerakan, naluri keramaian, pelbagai tahap usia, keperluan peribadi (<i>privacy</i>), dan sebagainya yang menjurus kepada pembentukan rasa kepunyaan bersama (<i>sense of belonging</i>).
Strategi 2.3:	Pengekalan dan Pemuliharaan Senibina Warisan Melindungi, menghormati, dan menghargai tapak warisan, monumen bersejarah, dan lokasi dan senibina yang diwarisi bagi mempertahankan sesuatu pembangunan yang perlu diurus tadbir secara bertanggungjawab dan lestari (Akta Warisan Kebangsaan 2005)
Strategi 2.4:	Sumber Bahan Binaan Tempatan Penggunaan bahan binaan berciri tempatan yang dapat menguasai gaya dan rupa senibina serta mengambilkira keadaan iklim dan cuaca tempatan.
Strategi 2.5:	Landskap Tropis Landskap di luar dan dalam bangunan perlu berteraskan alam semula jadi, amalan warisan, dan juga gagasan hijau yang lestari bersifat tropis dan sesuai dengan keadaan tempatan (Dasar Landskap Negara).
Strategi 2.6:	Sumber Artisan Tempatan Penggunaan khidmat artisan tempatan yang sejati dengan penghasilan yang tulen (<i>authentic</i>) khususnya untuk kerja ukiran, hiasan dalaman, dan kemasan bangunan.

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

TERAS 3:	REKABENTUK MESRA ALAM Penghayatan Rekabentuk Senibina dan Alam Bina Terhadap Iklim dan Alam Tropika
Strategi 3.1:	Penghayatan Faktor Iklim Tropika Membangunkan senibina yang mampu bertindak balas terhadap iklim setempat dan mengambil kira perihal cuaca. Memanfaatkan dengan sebaik mungkin kekangan dan peluang (<i>prospect</i>) dari iklim dan cuaca seperti sinar matahari, hujan lebat, banjir kilat, pengudaraan semulajadi, dan pencahayaan siang.
Strategi 3.2:	Teknologi Binaan Lestari dan Tenaga Keterbaharuan Mengambil kira perihal perkembangan dan kelestarian teknologi yang sesuai dengan perkembangan semasa bagi menyatakan semangat dan jiwa sezaman.
Strategi 3.3:	Amalan Dasar Agenda 21 Melaksanakan unsur kelestarian di peringkat perbandaran yang lebih bersifat mapan bagi menjamin perbandaran yang sejahtera dan selamat (<i>liveable and safe cities</i>).

TERAS 4:	GARAPAN SENIBINA BERUMBI WATAN Penterjemahan kreatif unsur budaya ke dalam rekabentuk senibina
Strategi 4.1:	Menerapkan Elemen Kesenian dan Hasil Kraf Tempatan Menerapkan elemen kesenian dan hasil kraf tempatan dalam perkara yang membabitkan rekabentuk luaran, rekabentuk dalaman, senitaman dan rupabumi, seni tampak awam tempatan, gerbang dan mercu tanda, dan binaan prasarana.
Strategi 4.2:	Menerapkan Unsur Seni dan Rekabentuk Islam Menggalakkan penerapan unsur-unsur seni dan rekabentuk Islam pada ruang, rupabentuk, permukaan, dan elemen senibina yang bersesuaian dalam usaha menegaskan fungsi, peranan, dan naungan sesebuah projek pembangunan.
Strategi 4.3:	Kesinambungan dan Kelangsungan Senibina Warisan Menjalin kesinambungan dan kelangsungan warisan dalam konteks kontemporari menerusi pelbagai pendekatan dan konsep rekabentuk senibina yang meresapi dari pelbagai spektrum kebudayaan yang dirasakan sesuai menggunakan metodologi interpretif, translatif, abstrak, metafora, analogi atau apa juga kaedah yang serasi dan sepadan dengan sesuatu projek.

TERAS 5:	PERUNDANGAN, PERATURAN DAN PENGUATKUASAAN DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN Menilai dan menggubal peraturan dan garis panduan ke arah mewujudkan satu keadaan dan suasana pengamalan yang menjurus kepada pembentukan rekabentuk senibina beridentiti Kebangsaan.
Strategi 5.1:	Penyediaan Garis Panduan Menilai dan menyediakan garis panduan yang berkaitan dengan usaha dan kawal selia pembentukan senibina beridentiti Kebangsaan berdasarkan kepada kategori bangunan.
Strategi 5.2:	Latihan, Penyebaran Ilmu, dan Peningkatan Penghayatan Menganjurkan pelbagai sesi latihan dan taklimat kepada pegawai, pengamal, dan pihak-pihak berkepentingan ke arah memahami dan menghayati tuntutan dan keperluan DASIK. Menerbitkan pelbagai risalah dan dokumen rujukan yang dan mampu membantu meningkatkan kefahaman. Seterusnya, usaha yang berterusan secara konsisten diatur sedemikian rupa supaya penghayatan identiti Kebangsaan kembali menjadi teras alam bina negara ini.
Strategi 5.3:	Penguatkuasaan Menguatkuasakan segala peraturan ke arah mewujudkan satu keadaan dan suasana pengamalan yang menjurus kepada pembentukan rekabentuk senibina beridentiti Kebangsaan berdasarkan kepada kategori bangunan.

7.0 PELAN TINDAKAN KOLABORATIF

Berasaskan kepada tiga prinsip DASIK dan sebanyak lima teras yang terbentuk di bawahnya, serta beberapa strategi pelaksanaan yang telah disusun, maka beberapa langkah dan tindakan ke arah menjayakannya diatur seperti di bawah ini:

TERAS 1: MASYARAKAT DAN BUDAYA Kesesuaian Pengguna dan Latar Belakang Budaya Masyarakat Malaysia		
STRATEGI 1.1: REKABENTUK KEWILAYAHAN Memberikan keprihatinan yang mendalam ke atas ragam amalan kehidupan masyarakat pelbagai kaum dalam ruang lingkup kedaerahan dan kewilayahan.		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
1.1.1	Meneroka kekuatan adat budaya dan konteks tempat yang terdapat dalam sesebuah kawasan dan daerah dimana projek pembangunan berkenaan diwujudkan untuk dijadikan tunjang kepada rekabentuk dan senibina.	MOTAC, MPN, Arkitek, Klien, PBT
1.1.2	Menyelusuri unsur seni, artistik dan estetika budaya <i>material</i> , dan elemen lanskap budaya sesuatu kebudayaan atau tempat untuk dijadikan rujukan rekabentuk dan pemacu ragam hiasan.	MOTAC, MPN, Arkitek, Pereka Dalaman, Klien, Artisan, PBT
1.1.3	Menggunakan bahan binaan tempatan yang mudah diperolehi dalam lingkungan kawasan projek berkenaan.	KPKT, KKR, JPBD, JKR, CIDB, PBT, Arkitek, Klien
STRATEGI 1.2: KEARIFAN WATAN Mengamalkan perkongsian pengalaman yang terpakai di sekitar alam dan gugusan rumpun Alam Melayu. Sekiranya diperlukan untuk menerapkan peradaban dan pengaruh budaya lain (atau antarabangsa) dalam senibina identiti Kebangsaan, usaha ini perlu disesuaikan dan diserasikan dengan keadaan dan konteks tempatan.		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
1.2.1	Mengkaji sedalam-dalam yang diperlukan bagi tujuan memperolehi unsur, kaedah, aplikasi, teknik dan amalan yang sekian lama terpakai bagi tujuan dipelajari, difahami dan berkemungkinan diolah tafsir ke dalam konteks penghasilan rekabentuk yang kontemporari.	MPN, Arkitek, Perekabentuk Dalaman, Perekabentuk Perbandaran, Klien, Artisan, PBT
STRATEGI 1.3: REKABENTUK KONTEKSTUAL Mengambil kira kesesuaian keadaan persekitaran masyarakat setempat, sosio-ekonomi, budaya, dan keagamaan dalam menzahirkan agenda pembangunan fizikal.		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
1.3.1	Menetapkan keperluan kajian dan pembentukan kefahaman mengenai konteks sosio-budaya masyarakat dalam proses menyediakan rekabentuk dan perancangan sesuatu pembangunan.	KPKT, KKR, JPBD, JKR, PBT, Arkitek, Perekabentuk Dalaman, Perekabentuk Perbandaran,
1.3.2	Mendapatkan maklum balas dari pengguna dan masyarakat yang bakal terimpak oleh pembangunan yang dicadangkan bagi tujuan memberikan penyelesaian rekabentuk yang inklusif.	KPKT, KKR, JPBD, JKR, PBT, Arkitek, Perekabentuk Dalaman, Perekabentuk Perbandaran,
STRATEGI 1.4: REKABENTUK SELAMAT DAN SELESA Mengambil kira amalan kehidupan, budaya dan hubungan kemasyarakatan semasa dalam pembentukan senibina beridentiti kebangsaan merangkumi tingkah laku dan keperluan keselamatan, kesihatan, keselesaan, dan keadaan bersendirian atau bersunyanian (<i>privacy</i>).		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

1.4.1	Memastikan ruang dan suasana hunian yang dicapai dalam rekabentuk mampu mendorong dan menyumbangkan kepada rasa kehidupan yang selamat, selesa, bersih, dan menenangkan.	Arkitek, Klien, PBT
STRATEGI 1.5: REKABENTUK UNIVERSAL Menyediakan satu persekitaran senibina yang memenuhi keperluan pengguna dan masyarakat pelbagai ragam dan latar belakang menerusi rekabentuk <i>universal</i> khususnya untuk golongan kelainan dan kurang upaya.		
Tindakan:		Agensi/Pihak Pelaksana
1.5.1	Mempertingkatkan kepedulian dalam kalangan para graduat menerusi penekanan dalam pembelajaran rekabentuk bangunan dan perancangan perbandaran.	KPM, KPT, MPN, MAPS, COHAS, IPTA/IPTS, UA
1.5.2	Mendapatkan input dari golongan OKU dalam proses merancang dan merekabentuk bangunan dan perbandaran.	KPKT, KKR, JPBD, JKR, PBT, JKM
1.5.3	Mengenal pasti kelompok pengguna bangunan yang paling terimpak dalam pembangunan berkenaan bagi tujuan meneroka sumber keperluan fungsional yang lebih spesifik.	Klien, Arkitek

TERAS 2: PERSEKITARAN DAN KEADAAN TEMPATAN Teras Kebudayaan dan Ekosistem Watan		
STRATEGI 2.1: BUDAYA DAN SEJARAH TEMPAT Menyediakan suatu rekabentuk dan ruang yang bertindakbalas (<i>responsive</i>) dan mencerminkan keperibadian budaya dan sejarah setempat (<i>local culture and history</i>).		
Tindakan:		Agensi/Pihak Pelaksana
2.1.1	Menerapkan elemen-elemen budaya <i>material</i> (<i>material culture</i>) dan senibina Melayu menggunakan kaedah dan pendekatan yang kreatif dan inovatif ke dalam rekabentuk senibina tempatan kontemporari.	COHAS, MAPS, Arkitek, Perekabentuk Dalaman, Arkitek Lanskap, Artisan
2.1.2	Menerapkan budaya tradisional ke dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah dan institusi pengajian tinggi sebagai langkah awal membangkitkan kesedaran dan kepekaan kepada budaya bangsa.	KPM, KPT, MAPS-LAM, UA, IPTA, IPTS
2.1.3	Melibatkan pakar dan perunding dalam bidang sains sosial khususnya sejarawan dan budayawan dalam mempertingkatkan kefahaman mengenai budaya dan sejarah tempat.	KPT, MPN, COHAS, MAPS, ILAM, MIP, Perunding Juru Rancang, QS, Arkitek Landskap, Arkitek, ID, Persatuan Sejarah Negeri
STRATEGI 2.2: PERBANDARAN BERJIWA SETEMPAT DAN MEMENUHI KEPERLUAN MASYARAKAT Menyediakan senibina dan rupabandar yang menekankan perihal kemasyarakatan seperti kejiranan, hubungan, naluri berkeramaian, dan sebagainya.		
Tindakan:		Agensi/Pihak Pelaksana
2.2.1	Memahami, menyedari, menghayati, dan melaksanakan hakikat bahawa ruang dan tempat dalam sesebuah kejiranan dan perbandaran sentiasa dilawati, dihuni, dan digunakan secara kolektif sebagai sebuah masyarakat, maka aspek kepenggunaan ruang sesebuah tempat itu perlu mengambil kira kepelbagaian keperluan masyarakat majmuk sesebuah tempat.	PBT, COHAS, Arkitek
2.2.2	Memberi upaya kepada ruang dan tempat untuk menampung tingkah laku perkumpulan dalam masyarakat demi menjayakan sesuatu fungsi yang	COHAS, MAPS, PAM ILAM, MIP, Perunding Juru Rancang, QS, Arkitek

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

	mahu dijayakan (contoh: agenda keramaian dan kenduri-kendara menjadi adat resam kejiranan dalam mana-mana kawasan perumahan).	Landskap, Arkitek
STRATEGI 2.3: PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN SENIBINA WARISAN Menghormati dan menghargai tapak warisan dan senibina yang diwarisi bagi mempertahankan pembangunan yang diurus tadbir secara lestari.		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
2.3.1	Merangka dan menyelaras usaha berkaitan kesedaran dan penglibatan awam dalam pemuliharaan warisan dan senibina kebangsaan.	KPT, KPM, KPKT, JWN, RTM, TV3, UA, IPTA, IPTS
2.3.2	Menyesuai guna semula (<i>adaptive reuse</i>) bangunan secara lestari adalah digalakkan bagi mengekalkan senibina dan perbandaran warisan di sesebuah setempat.	KKR, JKR, KPKT, JWN
2.3.3	Mematuhi kehendak-kehendak yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 khususnya yang membabitkan warisan ketara.	KPKT, JKR, JWN, LAM
STRATEGI 2.4: SUMBER BAHAN BINAAN TEMPATAN Penggunaan bahan binaan berciri tempatan yang dapat menguasai gaya dan rupa senibina serta mengambilkira keadaan iklim dan cuaca tempatan.		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
2.4.1	Menjalankan penyelidikan bersama pemain industri bagi menghasilkan bahan binaan dari sumber-sumber tempatan.	KPT, UA, IPTA, CIDB
2.4.2	Menyediakan sumber maklumat dan pengkalan data berkaitan bahan-bahan binaan tempatan dengan kerjasama dalam kalangan profesional dan pemain industri.	CIDB, JKR, PAM
STRATEGI 2.5: LANDSKAP TROPIS Landskap di luar dan dalam bangunan perlu berteraskan alam semula jadi, amalan warisan dan juga gagasan hijau yang lestari bersifat tropis dan sesuai dengan keadaan tempatan.		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
2.5.1	Meningkatkan kesedaran umum bagi membudayakan landskap melalui pendidikan formal serta promosi media cetak dan elektronik.	RTM, TV3, ILAM, UA, IPTA, IPTS, KPM, KPT, JLN
2.5.2	Merangka dan menyelaras usaha yang melibatkan kesedaran dan penglibatan awam dalam pemeliharaan landskap semulajadi dan landskap warisan.	JWN, ILAM, JLN
2.5.3	Mempertingkatkan sistem pendidikan landskap warisan yang lebih berkesan dan menyeluruh di peringkat institut pengajian tinggi.	UA, IPTA, IPTS, KPT, JLN, ILAM
STRATEGI 2.6: SUMBER ARTISAN TEMPATAN Penggunaan khidmat artisan tempatan dalam pembangunan Senibina Identiti Kebangsaan yang bersifat tulen (<i>authentic</i>) dan sejati khususnya untuk kerja ukiran, hiasan dalaman dan kemasan bangunan.		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
2.6.1	Meningkatkan penggunaan motif dan ukiran dalam kerja-kerja rekabentuk hiasan dan perapian dalaman dan kemasan bangunan semasa proses rekabentuk baru disediakan.	MAPS, COHAS, JWN, Artisan, UA, IPTA, IPTS, JPP, PBT, Arkitek, Pereka Dalaman.
2.6.2	Mempromosikan khidmat artisan tempatan di peringkat IPTA dan para profesional yang terlibat dalam bidang senibina.	MOTAC, JWN, UA, IPTA, IPTS, JPP

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

TERAS 3: REKABENTUK MESRA ALAM Penghayatan Rekabentuk Senibina Terhadap Iklim dan Alam Tropika		
<p>STRATEGI 3.1: PENGHAYATAN FAKTOR IKLIM TROPIKA Membangunkan senibina yang mampu bertindak balas terhadap iklim setempat dan mengambil kira perihal cuaca. Memanfaatkan dengan sebaik mungkin kekangan dan peluang (<i>prospect</i>) dari iklim dan cuaca seperti sinar matahari, hujan lebat, banjir kilat, pengudaraan semulajadi, dan pencahayaan siang.</p>		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
3.1.1	Memastikan penggunaan sifat-sifat senibina tropis, dan persekitaran bangunan beriklim tropika seperti pewujudan ruang teduhan, permukaan redupan, peletakan ridip dan sisip, dan unjuran.	Arkitek, Perekabentuk Dalaman
3.1.2	Memastikan penggunaan strategi rekabentuk pasif yang terlebih dahulu mengutamakan tindakan-tindakan asas dalam merekabentuk sesuatu bangunan dalam konteks tapaknya.	Arkitek, Perekabentuk Dalaman
3.1.3	Menyediakan model simulasi berkomputer bagi menilai prestasi bangunan dan landskap dalam pelbagai keadaan cuaca (contoh: pengudaraan, pencahayaan semulajadi, implikasi termal, dan sebagainya).	Arkitek, Perekabentuk Dalaman, Arkitek Landskap, PBT, PBN
3.1.4	Menggunakan dengan banyak dan meluas bahan-bahan binaan tempatan.	Arkitek, Perekabentuk Dalaman, Arkitek Landskap
3.1.5	Memastikan impak air hujan ke atas bangunan diurus dengan efektif menerusi pelbagai elemen rekabentuk dan sistem seperti penyediaan unjuran, cucuran, saluran, saliran, hadangan, talang, dan tadahan.	Arkitek, Perekabentuk Dalaman
<p>STRATEGI 3.2: TEKNOLOGI BINAAN LESTARI DAN TENAGA KETERBAHARUAN Mengambil kira perihal perkembangan dan kelestarian teknologi yang sesuai dengan perkembangan semasa bagi menyatakan semangat dan jiwa sezaman.</p>		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
3.2.1	Mengutamakan penggunaan-semula bangunan-bangunan lama secara adaptif berbanding dengan membina bangunan baru.	JWN, KPKT, JKR, PBN, PBT
3.2.2	Menjana tenaga terbaharu seperti tenaga solar sebagai sebahagian sumber tenaga untuk pembangunan yang berkenaan.	KPKT, JKR, PBN, PBT, BEM, Arkitek
3.2.3	Menggunakan teknologi penjimatan tenaga pada tempat, keadaan, dan peluang yang sesuai.	KPKT, JKR, PBN, PBT, BEM, Arkitek
3.2.4	Merangkumkan aspek penuaian dan pengkitaran air hujan dalam sistem dan rekabentuk kemudahan bangunan.	KPKT, JKR, PBN, PBT, BEM, Arkitek
<p>STRATEGI 3.3: DASAR AGENDA 21 Melaksanakan unsur kelestarian di peringkat perbandaran yang lebih bersifat mapan bagi menjamin perbandaran yang sejahtera dan selamat (<i>liveable and safe cities</i>).</p>		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
3.3.1	Perlu menepati kehendak, dasar dan garis panduan yg ditetapkan oleh PBT.	PBT, Arkitek, Pereka Dalaman, Arkitek Lanskap
3.3.2	Indeks kemapanan bandar lestari perlu membabitkan penterjemahan warisan budaya ke dalam alam bina dan senibina.	JPBD, JWN, JLN
3.3.3	Laluan beranda (<i>verandahway</i>) berteduh yang menghubungkan laluan dan akses pejalan kaki secara berterusan antara bangunan yang terlindung dan tanpa halangan (<i>barrier-free</i>).	PBT, PBN, JPBD, Perekabentuk Perbandaran, Arkitek.

<p>TERAS 4: GARAPAN REKABENTUK SENIBINA BERUMBI WATAN Menerapkan Penggunaan Unsur Rekabentuk Senibina Kebangsaan</p>		
<p>STRATEGI 4.1: MENERAPKAN ELEMEN KESENIAN DAN HASIL KRAF TEMPATAN Setiap senibina yang dibangunkan wajar menerapkan elemen kesenian dan hasil kraf tempatan dalam perkara yang membabitkan rekabentuk luaran, rekabentuk dalaman, senitaman dan rupabumi, seni tampak awam tempatan, gerbang dan mercu tanda dan binaan prasarana.</p>		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
4.1.1	Membudayakan amalan meletakkan elemen kesenian dan hasil kraf tempatan dalam pelbagai intepretasi kreatif pada bangunan awam terutamanya pada tempat dan lokasi yang ada kaitan dengan keperluan pelancongan.	KKR, KPKT, MOTAC, JLN, JPBD, JKR, LAM, PBN, PBT
4.1.2	Mempromosikan kefahaman dan penggunaan unsur dan hasil kraf tempatan kepada arkitek dan pereka bentuk dalaman.	KKR, KPKT, MOTAC, MPN, UA, IPTA, IPTS, COHAS
4.1.3	Mengadakan kolaborasi dengan pembekal kraf tempatan untuk membangunkan data sumber hasil kraf tempatan secara berpusat.	KKR, MOTAC, LAM, JWN, Karyaneka
4.1.4	Mengadakan pertandingan rekabentuk dan senibina yang menerapkan identiti kebangsaan serta menggunakan elemen kesenian dan hasil kraf tempatan.	JPM, KKR, LAM
4.1.5	Mempromosi penggunaan elemen kesenian dan hasil kraf tempatan melalui media penyiaran dan jelajah hebah.	KKR, MOTAC, RTM, TV3, LAM
<p>STRATEGI 4.2: MENERAPKAN UNSUR REKABENTUK ISLAM Menggalakkan unsur rekabentuk Islam diterapkan pada bahagian-bahagian senibina yang bersesuaian.</p>		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
4.2.1	Memastikan ruang dan kemudahan solat ditempatkan di bahagian tapak atau bangunan yang bersesuaian.	LAM, JKR, PBN, PBT, Arkitek, Pereka Dalaman
4.2.2	Mengambil kira rekabentuk tandas dan kemudahan berwuduk berdasarkan prinsip rekabentuk dan amalan penggunaan yang dipelopori oleh Islam.	LAM, JKR, PBN, PBT, Arkitek, Pereka Dalaman
4.2.3	Menerapkan <i>worldview</i> dan unsur kesenibinaan Islam dalam pemikiran kreatif dan rekabentuk senibina yang sentiasa mengekalkan adab dan kesantunan hubungan antara alam, ruang hunian, dan kemanusiaan.	LAM, MAPS, JKR, COHAS, Arkitek, Pereka Dalaman
<p>TERAS 5: PERUNDANGAN, PERATURAN DAN PENGUATKUASAAN DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN Menilai dan menggubal peraturan dan garis panduan ke arah mewujudkan satu keadaan dan suasana pengamalan yang menjurus kepada pembentukan rekabentuk senibina beridentiti kebangsaan.</p>		
<p>STRATEGI 5.1: PENYEDIAAN GARIS PANDUAN Menilai dan menyediakan garis panduan yang berkaitan dengan pembentukan senibina beridentiti kebangsaan.</p>		
	Tindakan:	Agensi/Pihak Pelaksana
5.1.1	Menubuhkan Majlis Senibina Identiti Kebangsaan (MASIK) bagi memandu hala tuju Dasar Senibina Identiti Kebangsaan (DASIK)	JPM, KKR, KPKT, MASIK, JAN, LAM

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

5.1.2	Menubuhkan sebuah entiti bertaraf Jabatan Persekutuan iaitu Jabatan Arkitek Negara (JAN) di bawah teraju Majlis Senibina Identiti Kebangsaan (MASIK) bagi menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti dan program di bawah strategi dalam Dasar Senibina Identiti Kebangsaan (DASIK)	JPM, KKR, KPKT, MASIK, JAN, LAM
5.1.3	Menggubal Garis Panduan Senibina Identiti Kebangsaan (GASIK) untuk dijadikan rujukan dan kaedah mengawal selia profesion dan pembangunan senibina kebangsaan.	KKR, MOTAC, MASIK, JAN, LAM, JWN, Karyaneka
5.1.4	Membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menetapkan identiti senibina Kebangsaan yang berlandaskan sejarah dan budaya tempatan	MASIK, JAN, KPKT, LAM, PBN, PBT
5.1.5	Membantu menyediakan panduan penguatkuasaan bagi Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan selaras dengan keperluan DASIK.	MASIK, JAN, KPKT, LAM, PBN, PBT
STRATEGI 5.2: LATIHAN, PENYEBARAN ILMU, DAN PENINGKATAN PENGHAYATAN Menyampai ilmu, membina kefahaman, dan meningkat penghayatan.		
Tindakan:		Agensi/Pihak Pelaksana
5.2.1	Menganjurkan pelbagai sesi latihan dan taklimat kepada pegawai, pengamal, dan pihak-pihak berkepentingan ke arah memahami dan menghayati tuntutan dan keperluan DASIK.	JAN, LAM
5.2.2	Menerbitkan pelbagai risalah dan dokumen rujukan yang dan mampu membantu meningkatkan kefahaman. Seterusnya, usaha yang berterusan secara konsisten diatur sedemikian rupa supaya penghayatan identiti Kebangsaan kembali menjadi teras alam bina negara ini.	JAN, LAM
STRATEGI 5.3: PENGUATKUASAAN Menguatkuasakan segala peraturan ke arah mewujudkan satu keadaan dan suasana pengamalan yang menjurus kepada pembentukan rekabentuk senibina beridentiti kebangsaan.		
Tindakan:		Agensi/Pihak Pelaksana
5.3.1	Menguatkuasakan peraturan dan garis panduan atau apa-apa juga perundangan yang ada dan terpakai berhubungan dengannya yang khusus dalam setiap pembangunan dalam kawasan sensitif alam sekitar atau di kawasan warisan senibina pada peringkat pihak berkuasa tempatan, negeri dan negara.	JAN, JKR, LAM, JLN, JPBD, PBN, PBT

8.0 PELAN TINDAKAN KHUSUS

Usaha-usaha ke arah pembentukan senibina identiti Kebangsaan yang digembeling secara kolaboratif melibatkan pelbagai agensi dan pihak pelaksana perlu disejajar dan diselaras di bawah naungan dan kepimpinan Majlis Senibina Identiti Kebangsaan (MASIK) (rujuk tindakan 5.1.1 dan 5.1.2). Sebagai entiti yang dipertanggungjawabkan untuk memantau hala tuju agenda pembangunan senibina beridentiti Kebangsaan tercapai, maka MASIK dan agensi pelaksanaanya yang dirujuk sebagai Jabatan Arkitek Negara (JAN) perlu mengambil tindakan yang bersesuaian dan berkesan.

Berikut adalah usaha dan aktiviti utama yang perlu diterajui oleh MASIK dan JAN:

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

OBJEKTIF: SIMFONI MUFAKAT

Mewujudkan ekosistem urus tadbir merentas pelbagai lapisan tindakan dan bidang kepakaran yang luhur dalam bersepakatan ke arah merekayasa gagasan senibina identiti kebangsaan untuk rakyat dan negara.

TINDAKAN 1: MUFAKAT DAN KESEPAKATAN

Mewujudkan satu ekosistem urus tadbir yang berkoordinasi dan bersepadu yang menumpukan sepenuhnya kepada penghasilan identiti Kebangsaan dalam senibina dan rekabentuk perbandaran.

Tindakan dan Aktiviti	
8.1	Menetapkan kategori bangunan awam yang perlu dinilai rekabentuknya secara kolektif menerusi pelbagai kaedah seperti pertandingan yang dihakimi oleh Panel Juri dan penglibatan awam. Kategori ini boleh mempertimbangkan pelbagai kriteria dalam usaha menentukan kategori dan kelas sesebuah projek pembangunan dengan mengambil kira aspek seperti kos, saiz, kepentingan lokasi, taraf fungsi, sumbangan kepada industri pelancongan, dan sebagainya (rujuk Lampiran 1).
8.2	Menyenaraikan beberapa cadangan rekabentuk senibina dan perbandaran terpilih untuk dibentangkan kepada Panel Pemilih Pakar yang dilantik terutamanya bagi projek pembangunan yang besar dan berprestij sebelum diangkat untuk dimuktamadkan oleh YAB Menteri Besar (untuk projek peringkat Negeri) atau YAB Perdana Menteri (untuk projek peringkat Persekutuan).

TINDAKAN 2: PENSEJAJARAN PEMIKIRAN DAN TINDAKAN

Mewujudkan satu persekitaran kerja dan penghasilan yang berempati dalam menjuruskan usaha dan tindakan berpusatkan kepada pemikiran dan aspirasi yang satu.

Tindakan dan aktiviti	
8.3	Menyediakan brif projek dalam hal memperjelaskan keperluan dan kehendak klien dalam hal imej, karektor, suasana, dan seterusnya identiti keseluruhan sesuatu pembangunan supaya ia selari dan selaras dengan aspirasi ke arah memperkasa dan memperagakan identiti kebangsaan.
8.4	Mewujudkan dan mengadakan secara berterusan dan berkala wacana dan pameran mengenai usaha dan perjuangan menegakkan budaya bangsa menerusi senibina dan alam bina sebagai satu wadah untuk memastikan kelangsungan pembelajaran dan pendidikan.
8.5	Bagi menghasilkan arkitek dan pereka tempatan yang berpengetahuan dalam perihal senibina beridentiti Kebangsaan, spektrum secara menyeluruh berkenaan senibina warisan, kaedah pemuliharaan dan penerapan senibina perlu dilaksanakan dalam sistem pendidikan senibina secara formal. Beberapa mata kredit bagi pembelajaran berteraskan Dasar Senibina Identiti Kebangsaan perlu diwajibkan di dalam kursus Senibina di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan digalakkan di institusi pengajian tinggi swasta.
8.6	Membentuk satu bidang keilmuan dalam pentafsiran kreatif unsur budaya ke dalam rekabentuk senibina untuk dijadikan rujukan mereka yang terlibat secara langsung dalam proses merekabentuk bangunan. Penaskahan ilmu ini seharusnya berkemampuan membantu para Arkitek, Arkitek Lanskap, Perekabentuk Dalaman, dan Perekabentuk Perbandaran meresapi dari pelbagai spektrum kebudayaan yang dirasakan sesuai menggunakan pelbagai metodologi rekabentuk seperti interpretif, translatif, abstrak, metafora, analogi atau apa juga kaedah yang sepadan dengan sesuatu projek.

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

LAMPIRAN 1:

Secara amnya penekanan pelaksanaan Dasar Senibina Identiti Kebangsaan (DASIK) adalah pada bangunan-bangunan awam dan swasta yang bersifat ikonik (*iconic*), mercu tanda (*landmark*) dan panji mercu (*flagship*) khususnya bangunan-bangunan yang berprestij dan berperanan untuk memapar atau memperagakan aspek budaya dan kenegaraan. Pelaksanaan DASIK meliputi bangunan dan binaan di bawah kategori berikut:

Kategori 1: Bangunan-bangunan Kerajaan

- i. Bangunan dan Binaan Mercu Tanda
Contoh: bangunan kemegahan seperti Menara Kuala Lumpur dan sebagainya.
- ii. Bangunan Awam Khas
Contoh: bangunan pintu masuk negara, lapangan terbang, muzium, pusat terminal pengangkutan, masjid dan teater, perpustakaan negara, galeri dan sebagainya.
- iii. Bangunan Awam Umum
Contoh: institusi pendidikan, bangunan/kompleks kerajaan, perpustakaan awam.
- iv. Bangunan Awam Istimewa
Contoh: pusat persidangan, kompleks budaya, kompleks sukan, pusat kemasyarakatan dan sebagainya.
- v. Bangunan dan Binaan Prasarana Awam
Contoh: Jambatan, Stesyen LRT, dan sebagainya.

Kategori 2: Bangunan-Bangunan Swasta dan Perdagangan

Keutamaan penerapan adalah pada bangunan-bangunan hotel, pusat pelancongan, pusat peranginan, dan sebagainya. Bangunan-bangunan tersebut boleh dijadikan rujukan bagi pembinaan bangunan-bangunan swasta yang lain.

Kategori 3: Bangunan-Bangunan Sedia yang Dibaikpulih

Sesebuah bangunan yang dikenal pasti bersejarah dan mempunyai nilai kepentingan budaya dan negara tetapi sudah tercemar rekabentuk dan rekadalamannya yang perlu dibaikpulih bagi tujuan mengembalikan kegemilangan.

LAMPIRAN 2:



SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

LAMPIRAN 3:

Singkatan nama kementerian, jabatan, organisasi dan institusi:

BEM	–	Lembaga Jurutera Malaysia
CIDB	–	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
COHAS	–	Council of Heads of Architecture Schools
EPU	–	Unit Perancangan Ekonomi
ILAM	–	Institut Arkitek Landskap Malaysia
IPDM	–	Institut Perekabentuk Dalaman Malaysia
IPTA	–	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	–	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JAN	–	Jabatan Arkitek Negara
JKM	–	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	–	Jabatan Kerja Raya
JLN	–	Jabatan Landskap Negara
JPBD	–	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (sekarang 'PLAN Malaysia')
JPM	–	Jabatan Perdana Menteri
JPN	–	Jabatan Perumahan Negara
KeTTHA	–	Kementerian Tenaga dan Teknologi Hijau
KKR	–	Kementerian Kerja Raya
KPM	–	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	–	Kementerian Pengajian Tinggi
KPKT	–	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPWKM	–	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
LAM	–	Lembaga Arkitek Negara
MAPS	–	Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina
MASIK	–	Majlis Senibina Identiti Kebangsaan
MOF	–	Kementerian Kewangan
MOTAC	–	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
MPN	–	Majlis Profesor Negara
PAM	–	Pertubuhan Akitek Malaysia
PBN	–	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	–	Pihak Berkuasa Tempatan
QS	–	Juru Ukur Bahan (Quantity Surveyor)
UA	–	Universiti Awam

LEMBAGA
ARKITEK
MALAYSIA

LAMPIRAN 4:

Daftar Istilah:

Adat	: satu amalan atau kebiasaan yang kerapkalinya bersusur galur kepada adat resam asal atau tradisional yang dijadikan cara hidup sesebuah kumpulan masyarakat.
Alam Bina	: Umumnya dikatakan sebagai produk yang berbentuk gabungan antara <i>material (physical)</i> , ruang (<i>spatial</i>) dan budaya (<i>cultural</i>) yang dihasilkan oleh manusia secara kolektif dan penuh sedar bagi tujuan mewujudkan pentas kehidupan dimana manusia dapat hidup, bekerja, beriadah dan berinteraksi sesama mereka.
Arkitek	: Seseorang individu yang berkelayakan dan berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia untuk memberikan khidmat merancang proses merekabentuk, penyediaan rekabentuk senibina, memantau keseluruhan proses pembinaan, dan turut terlibat dalam memastikan bangunan yang siap dibina layak untuk dihuni.
Arkitek Landskap	: Merupakan satu profesion yang terlibat secara langsung di dalam memberi perkhidmatan profesional dalam pembangunan landskap bermula dari peringkat perancangan, rekabentuk, pelaksanaan dan pengurusan setiap projek pembangunan (rujuk Dasar Landskap Negara).
Artisan	: sesorang individu atau pekerja yang sangat cekap dan mahir dalam sesuatu aspek kemahiran dan kerajinan tangan (lihat juga 'kraftangan').
Budaya	: Secara umumnya 'budaya' dirujuk kepada 'cara hidup secara keseluruhannya yang membentuk kehidupan itu sendiri.' Segenap aspek kehidupan merangkumi bahasa, adat resam, kepercayaan, agama, makanan, tarian, muzik, lagu, dan pelbagai perkara lain yang sangat luas mempengaruhi dan membentuk budaya sesebuah masyarakat dan negara. Asasnya konsep budaya itu sangat berkait dengan 'budi'. 'Budi' pula ada kaitan dengan 'akal budi'. Kesemua cara hidup itu sama ada secara langsung atau tidak langsung memainkan peranan mengasuh dan membentuk ahli masyarakat yang menjunjung budaya berkenaan; jesteru tingkah laku dan budi pekerti seseorang itu akan sedikit sebanyak dipengaruhi oleh budaya yang mereka junjung itu.
Guna-semula	: Bangunan lama, bersejarah, atau warisan yang dipulih dan ditambahbaik menggunakan kaedah guna-semula menggunakan pendekatan ubahsuaian.

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

- Hiasan Dalaman : Hiasan dalaman adalah satu proses penghasilan seni tampak dan emotif (*feeling*) dalam sesebuah ruang, atau rangkaian ruang-ruang dalam sesebuah bangunan bagi tujuan memaparkan suatu pengalaman (*experience*) yang khusus bagi ruang dan tempat berkenaan.
- Identiti : Dari perspektif psikologi, sosiologi, antropologi, dan falsafah – identiti adalah satu konsep, kualiti, kepercayaan, dan penzahiran yang membuatkan seseorang atau sesebuah kumpulan menjadi nyata berbeza berbanding dengan pihak yang lain.
- Kearifan watan : sesuatu yang wujud atau sedia wujud secara semulajadinya dalam sesebuah tempat yang tertentu yang terhasil dari keikhlasan dan bijaksanaan penghuninya dalam mengimbangi hubungan sesama manusia dan hubungan mereka dengan alam.
- Kebangsaan : Sesuatu perkara atau perbuatan yang ada kaitan dgn negara secara keseluruhan yang melambangkan kesatuan masyarakat dalam sebuah negara bangsa dimana pada akhirnya ia membentuk keperibadian sesebuah Negara. Bahasa, budaya, seni, senibina dan institusi ilmu yang berpaksikan semangat kebangsaan seharusnya menjadi jiwa dan raga yang menyuburkan inspirasi dan iltizam seluruh rakyat di negara ini.
- Semangat kebangsaan atau nasionalisme bermaksud perasaan cinta dan taat setia terhadap bangsa dan tanah air.
- Kraf atau Kraftangan: Segala bentuk penghasilan seni kerajinan berasaskan kemahiran tangan menggunakan bahan, teknik dan teknologi yang diwarisi atau yang mudah untuk dilaksanakan dengan keterbatasan kudrat sendiri.
- Landskap : Lanskap merupakan persekitaran yang dialami oleh setiap individu. Ia membawa maksud yang luas merangkumi struktur geologi tanah, flora dan fauna, corak aktiviti manusia seperti perladangan, perhutanan, penempatan dan perindustrian. Ia juga merupakan interaksi di antara sumber semulajadi dengan keperluan manusia yang merangkumi usaha mengkagumi keindahan dan nilai estetik, senibina serta keseluruhan ekologi dan sejarah sesuatu kawasan (rujuk Dasar Landskap Negara)
- Pembaikpulihan : proses memulihkan secara tepat, rupabentuk dan perincian suatu struktur atau sebahagian daripada suatu struktur serta kedudukan itu, sebagaimana yang didapati pada suatu tempoh masa, dengan mengalihkan kerja yang terkemudian dan menggantikan kerja sal yang hilang. (rujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005)
- Pemeliharaan : bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput atau keadaan usang dan menyediakan struktur yang

SULIT

Deraf Akhir DASAR SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN @ Lembaga Arkitek Malaysia, 15 Sep 2017

selamat dan kukuh tetapi tidak menjangkakan pembangunan semula yang penting. (rujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005)

- Pemulihan** : proses mengembalikan sesuatu harta kepada keadaan kebergunaan melalui pembaikan atau pengubahan, yang memungkinkan penggunaan semasa yang efisien sambil memelihara bahagian dan ciri harta itu yang penting kepada senibina bersejarahnya (rujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005)
- Pemuliharaan** : termasuklah pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. (rujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005)
- Perbandaran Rekabentuk** : satu perbuatan dan tindakan ke arah menghasilkan satu penyelesaian terhadap masalah dan keperluan fungsi, ruang, dan rupabentuk menerusi proses rundingan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan.
- Rekabentuk Perbandaran Senibina** : secara umumnya ialah satu penzahiran tiga dimensi cara hidup manusia dan peradabannya dalam bentuk bangunan, kelompok bangunan, ruang-ruang antara bangunan, perbandaran dan petempatan dimana manusia dan masyarakat menghuni, tinggal, beriadah, bekerja dan beribadat. Dari perspektif Islam, senibina atau 'al-imarah' bermaksud 'satu usaha dan proses penyediaan perlindungan yang menyumbang kepada pengimarahannya muka bumi untuk tujuan manusia beroleh manfaat darinya serta terhindar dari sebarang kemudaratan'
- Tapak** : termasuklah mana-mana kawasan, tempat, zon, warisan semula jadi, monumen atau bangunan yang melekat pada tanah, rizab arkeologi, dan mana-mana tanah dengan bangunan, taman, pokok, atau rizab arkeologi (rujuk seksyen xx, Akta Warisan Kebangsaan 2005)
- Tapak Warisan** : ertinya sesuatu tapak yang ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah seksyen 24, Akta Warisan Kebangsaan 2005.
- Warisan Kebangsaan**: mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan 2005.
- Watan** : Merujuk kepada sesuatu yang berasal dari kawasan atau tempat asal dimana seseorang itu dilahirkan, dibesarkan, meletakkan taat setia kepadanya, seperti yang difahami dalam konsep dan kefahaman anak tempatan, tanah kandung tempat bernaung, ibu pertiwi, dan sebagainya.